

19 JAN 2000

SINGAPURA-GOLDTRON/I

MOKHZANI DILANTIK SBG PENERUSI GOLDTRON

SINGAPORE, 19 Jan (Bernama) -- Ahli perniagaan Mokhzani Mahathir dilantik sebagai penerusi bukan-eksekutif Goldtron Ltd, sebuah syarikat tersenarai di Sesdaq, demikian lapor Business Times, hari ini.

Perniagaan teras Goldtron adalah dalam dagangan komponen elektronik, perkilangan kontrak, perkilangan pencetak dan pengeluaran bateri lithium manganese.

Goldtron diselamatkan tahun lalu oleh seorang lagi ahli perniagaan Malaysia, Mohd Taufik Abdullah, dan ia menjalani penyusunan semula hutang yang diuruskan oleh Arthur Andersen.

Pelantikan Mokhzani adalah berikutan peletakan jawatan Ong Soon Kiat sebagai penerusi eksekutif pada Isnin. Peng Chian Chua dilantik sebagai pengarah urusan eksekutif baru.

Ong dikenakan denda S\$250,000 pada Mac tahun lalu kerana mewujudkan pasaran palsu dalam saham syarikat pada 1995.

-- BERNAMA

TCL ZK